

TARIKH	ISNIN, 4 JULAI 2022
AKHBAR	HARIAN METRO
TAJUK ARTIKEL	PRAKTIK ILMU FABRIKASI
M/S	30
BIDANG	SCIENCE AND TECHNOLOGY
KATA KUNCI	TECHNOLOGY UTILIZATION



PRAKTIK ILMU FABRIKASI

Inovasi pelajar UTeM bina sangkar kitar semula beri manfaat kepada komuniti setempat

FOKUS

Oleh Suliati Asri
suliati@hmetro.com.my

Bergelar pelajar, kejayaan menghasilkan produk inovasi memberi manfaat kepada komuniti tempatan pastinya sesuatu yang cukup bermakna.

Itu dialami sekumpulan pelajar dari Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) yang mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan inovasi mereka dengan membina sangkar kitar semula bagi tujuan kegunaan komuniti kawasan perumahan setempat.

Projek yang diketendalikan menerusi projek Service Learning Malaysia - University for Society (SULAM) FKP

2022 itu antara usaha menggalakkan khidmat komuniti berkaitan dengan apa yang dipelajari pelajar kepada orang awam atau agensi.

Malah, projek SULAM FKP 2022 yang berfokuskan kepada fabrikasi sangkar kitar semula ini dibangunkan 20 pelajar tahun empat Program Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan dengan keupujian.

Pemilihan menghasilkan sangkar kitar semula adalah berpandukan inisiatif penyediaan sangkar kitar semula daripada Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) dan syarikat SWM Environment Sdn Bhd sebagai agensi yang bertanggungjawab dalam pengurusan sisa

pepejal serta pembersihan awam yang berjaya mendidik masyarakat dalam mengamalkan pengumpulan barangan kitar semula.

Berbeza dengan penggunaan tong kitar semula yang tertutup dan agak terhad ruangan, sangkar kitar semula lebih mudah dijaga bersama komuniti serta mempunyai nilai dalam menggalakkan suasana pengumpulan barangan kitar semula yang baik dan teratur.

Bagi memastikan pengurusan projek berjalan lancar dan efisien, ia digerakkan menerusi empat pecahan kumpulan iaitu kumpulan pengurusan diketuai Noreen Aqilla Kamaruzaman, fabrikasi (Choy Jung Hong), reka bentuk (Muhammad Afiq Sharum) dan analisis kos

bahan diketuai Mohamad Raziq Babjan Khan.

Berkongsi pengalaman melaksanakan projek ini, Noreen Aqilla, 24, berkata, perasaan teruja sememangnya dirasai kerana platform itu membolehkannya dan rakan-rakan mengaplikasikan ilmu proses pembuatan yang dipelajari hingga terhasil produk terus boleh digunakan.

Katanya, silibus pembelajaran yang dijadikan rujukan dan diguna pakai pula adalah selaras keperluan industri serta sesuai dengan peredaran teknologi masa kini selain memberikan pengalaman menarik.

"Perjalanan proses projek ini mengaitkan kami seolah-olah berdepan permasalahan sebenar bagi menghasilkan produk

akhir dan jelas serta nyata FKP UTeM berjaya mendedahkan pelajar kepada dunia sebenar industri dan masyarakat.

"Di samping itu, FKP UTeM juga banyak menawarkan program tambahan pensijilan profesional yang amat relevan dan bermanfaat besar kepada pelajar apabila menceburi bidang pekerjaan," katanya.

Bagi Choy Jung Hong, 24, program kejuruteraan pembuatan yang dipelajarinya membolehkannya dia dan rakan-rakan mempraktikkan secara terus ilmu fabrikasi secara 'hands-on' contohnya proses kimpalan, 'laser-cutting' dan 'milling'.

"Pelajar juga dapat pengalaman secara langsung untuk menilai terus kualiti fabrikasi

sendiri yang sudah dihasilkan melalui penghasilan produk akhir yang terus disiapkan dan diserahkan untuk kegunaan komuniti," katanya.

Mengetuai kumpulan fabrikasi, Choy berkata, sepanjang menyiapkan projek itu mereka tidak terlepas dari berbagai cabaran.

Katanya, antara cabaran yang dihadapi mereka termasuk komitmen pelajar terhadap pembahagian masa untuk datang secara fizikal ke makmal bagi menyiapkan proses fabrikasi projek dan dalam masa sama menjalani kuliah secara dalam talian di rumah memandangkan ketika itu negara baru di fasa beralih ke endemik.

"Proses fabrikasi sangkar yang membabitkan mesin pembuatan

DISEDIAKAN
OLEH

1-NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM
2-CARLOS LINTON (S19), BPM
UNIT PERPUSTAKAAN, BPM